

24 DEC 1997

Kantin-Harga

HARGA MAKANAN DI KANTIN SEKOLAH AKAN DIPERTAHAN

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Kementerian Pendidikan memberi jaminan akan mempertahankan harga makanan di kantin-kantin sekolah ekoran hasrat Persatuan Penyelenggara Kantin Sekolah (ASCOM) menaikkan harga semua jenis makanan sehingga 100 peratus.

Ketua Pengarah Pendidikan Datu, Matnor Daim, hari ini berkata kementerian sedia berbincang dengan Persatuan Penyelenggara Kantin Sekolah (ASCOM) bagi menangani masalah ini secara bersama.

Beliau mengulas kenyataan Presiden ASCOM, William Huee Thing Hoa, semalam bahawa seramai 10,000 anggota persatuan itu bersetuju menaikkan harga makanan atas alasan kos pengendalian dan sewa yang meningkat, kesukaran mendapatkan pekerja dan terpaksa membuat bayaran pelbagai lesen.

"Saya terkejut dengan kenyataan itu memandangkan keadaan ekonomi sekarang...ia dibuat tanpa perbincangan dengan Kementerian Pendidikan," katanya ketika dihubungi Bernama di Kuching, hari ini.

Matnor berkata kenaikan harga makanan itu akan memberi implikasi besar kepada pelajar-pelajar di seluruh negara dan kajian terperinci perlu dijalankan bagi mengelakkan sebarang masalah.

Sementara itu, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mengancam mahu melancarkan kempen memboikot kantin sekolah sekiranya ASCOM meneruskan rancangan mereka.

"Sekiranya kenaikan harga diteruskan juga, NUTP dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang serta pihak-pihak lain akan melancarkan kempen menentang tindakan ini termasuk memboikot kantin sekolah," kata Setiausaha Agung NUTP, N. Siva Subramaniam.

Beliau menggesa pengusaha kantin sekolah mengikut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta semua pihak berkorban dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga ketika negara menghadapi krisis ekonomi.

Subramaniam berkata kenaikan harga juga akan membawa kesan buruk kerana pelajar akan beralih kepada penjaja makanan di jalanan dengan harga yang mungkin lebih murah tanpa mementingkan kebersihan dan khasiatnya.

Kenaikan harga barang-barang lain yang dijadikan alasan tidak seteruk yang digambarkan manakala kualiti makanan yang dihasilkan oleh sesetengah pengusaha kantin juga tidak begitu memuaskan, katanya.

Sehubungan itu beliau menasihatkan ibu bapa membekalkan makanan untuk anak-anak mereka bagi menjimatkan belanja dan memastikan kebersihannya.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Damansara Utama, Dzulkifli Jamhari, pula meminta ASCOM mengkaji semula tindakan itu kerana kenaikan harga makanan boleh membebankan pelajar, ibu bapa dan guru.

Katanya walaupun kos bahan mentah meningkat tetapi ia boleh ditampung dengan menggunakan kaedah lain.

Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum Sekolah Rendah Keramat AU3, Ooi Hock Leong, berpendapat sekiranya kenaikan itu setakat 20 atau 30 peratus, ia mungkin boleh diterima tetapi bukannya kenaikan 100 peratus.

Di Kuching, Presiden Kesatuan Guru Sarawak (STU), William Ghani Bina pula berkata kenaikan harga makanan di sekolah boleh membawa kesan negatif terhadap perkembangan pendidikan sekolah.

Beliau menyarankan supaya kajian secara terperinci terhadap menu makanan kantin dilakukan dengan mengutamakan penjualan bahan makanan dari sumber tempatan bagi mengelakkan kenaikan harga.

William berkata walaupun sudah 10 tahun harga makanan kantin masih

belum dikaji, namun pihak terbabit sepatutnya memikirkan keadaan ekonomi negara dengan mengutamakan kepentingan kira-kira empat juta pelajar seluruh negara.

Di Kuantan, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob menyarankan ASCOM menimbang semula hasratnya sebelum ibu bapa memilih untuk membekalkan makanan untuk anak-anak ke sekolah dan tidak menggalakkan mereka membeli di kantin.

Katanya cadangan kenaikan harga seperti itu akan membebankan ibu bapa terutamanya di bandar, yang juga perlu membayar tambang bas sekolah.

"Kesannya akan lebih teruk kepada pengusaha kantin sendiri kerana operasi kantin akan menjadi lebih kecil sekiranya semua budak membawa bekal. Jadi, untuk kebaikan bersama lebih baiklah ditimbang semula cadangan itu," katanya. -- BERNAMA

RDY WNZ NI NAK

Sementara itu, Pejabat Menteri Pendidikan dalam satu kenyataan petang ini menyatakan rasa terkejut terhadap berita itu dan mempertikaikan kesahihan kenyataan persatuan, yang telah dibatalkan pendaftaran pada 1987.

"Mengikut logiknya (William Huee) tidak layak mengeluarkan sebarang kenyataan akhbar atas nama ASCOM," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menjelaskan bahawa hanya pengusaha yang sebutharga mereka diterima oleh kerajaan akan menjadi penyelenggara kantin sekolah.

Ia juga menolak dakwaan berlakunya kenaikan sewa kantin setiap tahun kerana sewa kantin turut termasuk dalam sebutharga berkenaan.

Dalam pada itu, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) menganggap cubaan untuk menaikkan harga makanan di kantin sekolah sebagai keterlaluan yang akan mengakibatkan perbelanjaan ibu bapa berganda.

Setiausaha Agung PKPIM Ahmad Shabrimi Mohamed Sidek berkata kenaikan harga itu boleh menyebabkan perbelanjaan makanan seorang pelajar menjangkau sehingga RM80 sebulan, tidak termasuk tambang bas dan lain-lain. -- BERNAMA

HAK NAK